

# Pengarah JPS nyaris terperangkap

**KOTA BHARU** -Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Abu Bakar Yusof nyaris terperangkap dalam kebakaran kecil yang berlaku di kompleks Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Lundang di sini, semalam.

Kejadian yang berlaku kira-kira jam 1.30 petang itu berlaku ketika Abu Bakar baru sahaja selesai menunaikan solat Zuhur.

Beliau berkata, ketika itu, dia ternampak kepulan asap yang memasuki melalui pintu bilik pejabatnya terletak di tingkat satu.

"Saya kemudiannya terus keluar menerusi pintu kedua yang menghubungkan laluan dari bilik saya ke tingkat bawah. Mujurlah saya cepat bertindak menyelamatkan diri, jika tidak mungkin sesuatu yang buruk akan berlaku lagi-pun tiada orang di tingkat ini kerana ke banyakkannya pegawai sedang bercuti," katanya.

Abu Bakar berkata, ketika kejadian, dia hanya berseorang di kawasan terbabit dan bertindak nekad turun ke bawah.

Sementara itu, Timbalan Penguasa Bomba, Ketua Balai



**“Mujurlah saya cepat bertindak menyelamatkan diri, jika tidak mungkin sesuatu yang buruk akan berlaku.”**

**Abu Bakar**

Bomba dan Penyelamat Kota Bharu, Wan Hassan Idris berkata, pihaknya menerima panggilan pada 1.45 petang sebelum tiba kira-kira lima minit kemudian.

Katanya, seramai 11 anggota termasuk dua orang pegawai dihantar ke tempat kejadian bersama tiga jentera.

"Ketika sampai, api masih menyala dari kusyen di ruang



**Wan Hassan menunjukkan sebahagian kawasan ruang tamu yang terbakar di pejabat JPS Lundang, semalam.**

tamu berkenaan. Hampir sebahagian bangunan ini yang masih dipenuhi asap ketika operasi memadam kebakaran sehingga menyebabkan, pihak kami terpaksa menggunakan

alat khas bagi mengeluarkan asap.

"Punca serta kerugian yang ditanggung akibat kebakaran ini masih lagi disiasat," katanya.